

Harga beras tak patut naik

BH - 09/07/2007

Tindakan Bernas tanpa rujuk kementerian membelakangkan kerajaan: Najib

Oleh Norfatimah Ahmad,
Mohd Anwar Patho Rohman
dan Faiza Zainudin

BUTTERWORTH: Kerajaan tidak pernah berhasrat untuk menaikkan harga beras di pasaran dan tindakan Padiberas Nasional Bhd (Bernas) berbuat demikian minggu lalu dianggap sebagai membelakangkan kerajaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Bernas tidak sepatutnya menaikkan harga beras tanpa terlebih dulu merujuk kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna atau Kementerian Per-

“Kerajaan tidak ingin menaikkan harga beras kerana ia adalah barang sensitif dan tentu sekali kesannya meluas kalau ada kenaikan harga”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

tanian dan Industri Asas Tani.

Beliau menegaskan, Bernas seharusnya merujuk kepada kerajaan terlebih dulu jika hendak meminta harga beras di pasaran dikaji semula kerana kerajaan langsung tiada hasrat hendak menaikkan harga makanan ruji itu.

“Kerajaan tidak ingin menaikkan harga beras kerana ia adalah barang sensitif dan tentu sekali kesannya meluas kalau ada kenaikan harga,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Umno Bahagian Batu Kawan, di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri, Datuk Seri Abdul Rashid Ab-

dullah; Ketua Umno Bahagian Batu Kawan, Datuk Seri Dr Ibrahim Saad dan timbalannya, Datuk Mohd Noordin Mohd Kassim dan Ahli Parlimen Balik Pulau merangkap wakil Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya.

Khamis lalu, Bernas memaklumkan kenaikan harga beras putih tempatan, wangi dan basmati yang diimport antara 5 hingga 10 sen sekilogram serta 20 sen bagi beras pulut berikutan peningkatan harga komoditi itu di pasaran antarabangsa sejak 2005.

Menurut Bernas, keputusan menaikkan harga beras itu dilakukan selepas mengambil kira kesan pada

peringkat pengilangan, pemborong dan pengguna. Bernas juga mendakwa ia dibebani kenaikan harga beras import yang kebiasaannya akan menyerap sebahagian kos itu.

Najib, ketika ditanya mengenai tindakan kerajaan berhubung perkara itu berkata, ia akan diketahui dalam tempoh sehari dua ini selepas Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin membentangkan mengenainya pada mesyuarat Kabinet, Rabu ini.

Semalam, media melaporkan Muhyiddin yang kecewa dengan tindakan Bernas menaikkan harga beras itu

LIHAT MUKA 2

Mohd Shafie dimaklum menerusi SMS

DARI MUKA 1

mengarahkan Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Dr Zulkifli Idris memanggil pengurusan Bernas untuk menjelaskan asas kenaikan harga beras import berkenaan.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Mohd Shafie Apdal, ketika dihubungi *Berita Harian*, semalam menyatakan kesalnya dengan tindakan Bernas yang hanya memaklumkan mengenai perkara itu menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) yang dihantar seorang pegawai kanannya.

Sambil menganggap perbuatan itu tidak profesional dan berbau penghinaan, Mohd Shafie berkata, SMS itu dikirim kepada beliau dan Ketua Setiausaha kementeriannya, Mohd Zain Mohd Dom beberapa hari lalu.

“Baru beberapa hari lalu saya terima SMS, bukan surat tetapi SMS mengenai perkara ini. Memang tak patut, kerana bukan itu caranya. Mereka perlu faham, kalau harga air suam naik pun orang marah, ini pula beras yang menjadi makanan harian.

“Bernas perlu faham, setiap kenaikan harga barang, walaupun membabitkan produk import, tetap memberi kesan kepada pengguna,” katanya.

Mohd Shafie berkata, beliau mengarahkan Mohd Zain mengaturkan pertemuan dengan Bernas secepat mungkin untuk mengetahui dengan lebih terperinci punca sebenar kenaikan harga itu.

“Saya perlu tahu sebab kenapa mereka perlu menaikkan harga, kerana beras adalah barang kawalan. Sekurang-kurangnya kalau saya dimaklumkan dan sebabnya munasabah, mungkin saya boleh bantu mereka.

“Tapi mengikut apa yang berlaku sekarang, bukan saya saja tidak dimaklumkan, malah Muhyiddin (Tan Sri) yang sepatutnya tahu mengenai perkara itu juga terkejut dengan tindakan mereka,” katanya.

Bagaimanapun, sumber Bernas, ketika dihubungi semalam berkata, pihaknya sudah memaklumkan kenaikan harga itu kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.